

30/07/2004

Dr M dedah ilham serah kuasa

By Mutazar Abd Ghani; Johari Ibrahim; Zainab Yatim

LANGKAWI: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau mendapat ilham untuk melakukan pertukaran kepemimpinan negara secara lancar daripada Dialog Antarabangsa Langkawi (LID).

Beliau mengakui idea menyerahkan kuasa kepada penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dicontohnya daripada bekas Presiden Botswana, Kitumile Masire, yang pernah menyertai LID sebelum ini.

"Saya banyak belajar daripada (pengalaman) negara peserta (LID), khususnya Botswana apabila Presiden Masire mengambil keputusan untuk berhenti bagi memberi laluan kepada pemimpin lebih muda," katanya pada sesi taklimat pradialog Global 2004-LID di sini, semalam.

Beliau yang kali pertama menyertai LID sebagai peserta berkata, itu adalah antara contoh kejayaan LID apabila negara peserta berkongsi pengalaman antara satu sama lain.

Malah, Dr Mahathir berkata, beliau difahamkan Mozambique dan Namibia juga akan mencontohi kaedah pertukaran kepemimpinan itu, yang dijangkakan pada tahun depan.

Beliau berkata, tidak semua negara menyaksikan pertukaran kepemimpinan secara teratur dan lancar kerana 'tidak mudah untuk menyerahkan kuasa yang ada pada pemimpin'.

Katanya, pertukaran pemimpin secara teratur boleh mengelakkan keadaan tidak stabil dalam negara, termasuk mengubah perjanjian yang dipersetujui dengan pelabur atas alasan ia berat sebelah atau tidak adil.

"Adalah penting untuk kita (negara membangun) melakukan pertukaran pemimpin dengan lancar kerana biasanya (pertukaran) boleh menyebabkan ketidakstabilan dan membantutkan pembangunan.

"Lebih-lebih lagi jika pemimpin baru itu mengubah dasar dan bertindak lebih jauh menuduh kononnya pemimpin lama adalah rasuah dan semua perjanjian perlu dibatalkan dan menggantikan dengan yang baru," katanya.

Dr Mahathir berkata, perkara sedemikian boleh menyebabkan pelabur asing menjauhkan diri dari negara berkenaan.

"Pelabur mahu melihat setiap perjanjian sah walaupun kepemimpinan negara bertukar dan jika ada perubahan pun, ia dilakukan untuk masa depan bukan masa lalu.

"Masalah itu tidak akan timbul jika proses kepemimpinan negara bertukar dengan licin," katanya yang turut melahirkan rasa gembira kerana Abdullah komited untuk meneruskan LID yang diasaskannya sejak 1995.

Sementara itu, beberapa pemimpin negara peserta menyifatkan LID berupaya menjadi medan pertukaran pendapat dan perkongsian pengalaman dengan Malaysia untuk membangunkan negara masing-masing.

Raja Swaziland, Mswati III, berkata LID adalah tempat terbaik untuk memenuhi keperluan negara membangun di benua Afrika berkongsi pengalaman antara satu sama lain, terutama dari Malaysia.

"Saya berpendapat kita (negara Afrika) lebih memerlukan Malaysia berbanding Malaysia memerlukan kita," katanya.

Presiden Mozambique, Jao-quim Chissano, berkata LID juga perlu dijadikan forum untuk berkongsi pengalaman dalam membasmi kemiskinan di negara membangun.

Katanya, perubahan format dialog dengan menjemput masyarakat perniagaan sebagai peserta kali ini dijangka mampu merealisasikan sasaran setiap negara peserta ke arah membasmi kemiskinan.

(END)

